



## JURNAL LINGUISTIK Vol. 30 (1) Mei 2026 (179-193)

### Sebaran Kata Ganti Nama dalam Dialek Melayu di Kelantan Selatan: Analisis GIS

<sup>1</sup>Siti Noraini Hamzah, <sup>2</sup>Harishon Radzi & <sup>3</sup>Izzatul Fadhillah Ishak

[<sup>1</sup>snoraini@ukm.edu.my](mailto:snoraini@ukm.edu.my), [<sup>2</sup>naslin@ukm.edu.my](mailto:naslin@ukm.edu.my), [<sup>3</sup>izzafadh@ukm.edu.my](mailto:izzafadh@ukm.edu.my)

*Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Tarikh terima : 7 Mac 2026  
*Received*  
Terima untuk diterbitkan : 20 Mei 2026  
*Accepted*  
Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2026  
*Published online*

#### Abstrak

Kebanyakan kajian dialek di Malaysia sebelum ini telah banyak memberikan maklumat tentang perbezaan dari segi leksikal dan fonologi. Pemaparan taburan dialek dalam kajian lepas kebanyakan menggunakan kaedah tradisional untuk melakar peta isoglos sehingga menyebabkan kekaburan dalam lakaran tersebut. Namun, kemajuan teknologi yang semakin berkembang pada hari ini membolehkan peta isoglos dapat dihasilkan secara tepat dengan menggunakan perisian *Geographic Information System* (GIS). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti variasi leksikal kata ganti nama 'saya', 'kamu' dan 'mereka' yang wujud dalam dialek Kelantan Selatan dengan menggunakan pendekatan geolinguistik. Kajian dialek ini melibatkan tiga daerah utama di Kelantan Selatan iaitu Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang. Data-data dikumpul menerusi kaedah kajian lapangan di 14 buah kampung di kawasan Kelantan Selatan yang melibatkan tiga kategori umur iaitu remaja, dewasa dan warga tua. Data tersebut kemudiannya ditranskripsi dan dianalisis menggunakan pendekatan GIS. Hasil kajian telah membuktikan bahawa sebanyak 7 varian yang ditemui bagi merujuk kepada kata ganti nama 'saya', 6 varian mewakili kata ganti nama 'kamu' manakala sebanyak 4 varian bagi kata ganti nama 'mereka' yang telah dikenal pasti dalam kalangan penutur dialek di Kelantan Selatan. Hal ini telah menunjukkan bahawa teknologi GIS bukan sahaja mampu melakar isoglos dengan tepat tetapi ia dapat menunjukkan bahawa faktor bukan linguistik seperti geografi, migrasi, demografi dan sempadan menjadi faktor tambahan kepada penyebaran sesuatu dialek di satu-satu kawasan.

**Kata kunci:** dialek, isoglos, *Geographic Information System* (GIS), sebaran, geolinguistik

#### *The Distribution of Pronouns in Malay Dialects in Southern Kelantan: A GIS Analysis*

#### Abstract

*Previous studies on Malaysian dialects have primarily focused on differences in vocabulary and pronunciation. However, using isogloss maps to illustrate dialect distribution has often led to ambiguity. Fortunately, Geographic Information System (GIS) software allows the creation of more precise isogloss maps. In this study, we utilize GIS to identify variations of the pronouns 'saya', 'kamu', and 'mereka' in the South Kelantan dialect. The study encompasses three key districts: Jeli, Kuala Krai, and Gua Musang. Data was collected from 14 villages in the Southern Kelantan region, with participants ranging across three age groups: adolescents, adults, and the elderly. Following transcription, the data were analyzed using the GIS approach. Our findings indicate the existence of 7 variants for 'saya', 6 for 'kamu', and 4 for 'mereka' among Southern Kelantan dialect speakers. This demonstrates*

*the ability of GIS technology to map isoglosses accurately and sheds light on non-linguistic factors such as geography, migration, demographics, and borders that contribute to the distribution of a dialect within a specific area.*

**Keywords:** *dialect, isogloss, Geographic Information System (GIS), distribution, geolinguistic*

## 1. Pengenalan

Bahasa merupakan komponen penting dalam kehidupan manusia yang hidup secara bermasyarakat kerana ia merupakan aspek yang penting dalam mewujudkan sebuah komunikasi yang berkesan. Bahasa menjadi keperluan kepada manusia kerana manusia menggunakan bahasa untuk memenuhi kepentingan dalam segala aspek. Bahasa juga dianggap sebagai khazanah atau kebanggaan yang melambangkan identiti sesuatu masyarakat. Perpaduan dalam sesebuah negara juga boleh dicapai sekiranya masyarakat menjadikan bahasa sebagai medium untuk berkomunikasi. Jelaslah bahawa, bahasa dapat memainkan peranan dalam mewujudkan perhubungan antara sesama manusia dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat dan memenuhi kehendak komunikasi.

Realitinya, masyarakat kebanyakannya menuturkan bahasa yang mengandungi dialek. Di dalam dialek yang digunakan pula terdapat kepelbagaian varian yang wujud bagi satu-satu perkataan sama ada varian bunyi mahupun varian leksikal. Secara umumnya, dialek ditakrifkan sebagai variasi bahasa yang dituturkan dalam sesuatu komuniti. Walaupun sebutannya berbeza-beza bentuknya, namun variasi yang wujud ini mempunyai darjah kesalingfahaman yang tinggi (Siti Noraini & Nor Hashimah 2018). Faktor seperti geografi, politik, perdagangan, pengaruh alam, migrasi dan masa menjadi faktor terhasilnya sesuatu dialek. Kewujudan variasi bahasa membuktikan bahawa sesuatu kawasan tidak hanya mempunyai penutur yang menuturkan satu dialek sahaja. Sebagai contoh, di Malaysia kewujudan pelbagai suku kaum dan bangsa telah mewujudkan kepelbagaian jenis dialek. Dialek-dialek di Semenanjung Malaysia telah dibahagikan kepada tujuh kumpulan dialek iaitu dialek di kawasan barat laut yang meliputi kawasan Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara dikenali sebagai Dialek Utara, Dialek Perak meliputi kawasan Perak Tengah, dialek di negeri Perak Selatan, Selangor, Melaka dan Johor mewakili Dialek Selatan, Dialek Kelantan meliputi kawasan timur laut seperti Kelantan, dialek Terengganu meliputi kawasan bahagian timur Terengganu manakala kawasan negeri Pahang dan Negeri Sembilan mewakili Dialek Pahang dan Dialek Negeri Sembilan (Asmah 1991).

Disebabkan itu, telah wujud beberapa perbezaan dalam kebanyakan dialek Melayu di Malaysia terutamanya dari segi sebutan, sistem bahasa dan beberapa ciri tertentu yang sedikit berbeza dengan bahasa Melayu standard. Jelaslah bahawa dialek dan kawasan geografi mempunyai kaitan antara satu sama lain yang mewujudkan perbezaan tersebut. Oleh itu, kajian ini meneliti dialek di kawasan Kelantan Selatan yang meliputi daerah Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang yang mengambil kira faktor geografi sebagai aspek penting. Kajian ini meneliti variasi leksikal kata ganti nama (KGN) diri pertama 'saya', diri kedua 'kamu' dan diri ketiga 'mereka' yang terdapat di kawasan tersebut. Kajian geolinguistik ini diperkemas dengan bantuan teknologi baru iaitu perisian *Geographical Information System (GIS)* yang dapat memberi gambaran yang jelas tentang variasi leksikal KGN yang terbentuk di kawasan Kelantan Selatan.

Makalah ini berfokuskan kepada tiga objektif utama iaitu mengenal pasti varian leksikal kata ganti nama (KGN) pertama 'saya', KGN kedua 'kamu' dan KGN ketiga 'mereka' yang terdapat dalam dialek Kelantan Selatan. Seterusnya, objektif kedua pula ialah menganalisis pola penyebaran leksikal kata ganti nama diri 'saya', 'kamu' dan 'mereka' berdasarkan faktor linguistik dan bukan linguistik. Objektif terakhir pula ialah untuk menghasilkan peta visual varian leksikal dan isoglos dengan menggunakan perisian *Geographical Information System (GIS)*. Ketiga-tiga leksikal kata ganti nama diri ini dipilih adalah kerana leksikal-leksikal tersebut mempunyai varian yang pelbagai bentuk dan sering digunakan oleh masyarakat di ketiga-tiga daerah tersebut.

## 1.1 Permasalahan Kajian

Dialek Melayu yang dituturkan di negeri Kelantan sangat terkenal dengan ciri keunikannya yang tersendiri. Dialek tersebut dianggap unik dalam kalangan masyarakat di Malaysia kerana rakyat yang menggunakannya tidak mengira pelbagai latar belakang bangsa, umur dan agama. Fenomena ini telah menyebabkan pengkaji ingin mengkaji keunikan dialek tersebut dengan lebih mendalam. Kajian mengenai dialek Kelantan sudah banyak dibahaskan oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelompongan yang harus diberi perhatian dalam beberapa kajian tentang dialek Kelantan yang sedia ada. Misalnya, dalam kajian yang dilakukan oleh Asmah (1985) yang membincangkan tentang dialek Kelantan, perbincangannya adalah tentang subdialek Kota Bharu dan lebih bersifat umum. Selain itu, terdapat juga kajian daripada Ajid Che Kob (1985) yang membincangkan tentang perbezaan fonem vokal dan konsonan di daerah Pasir Mas sahaja. Walaupun kajian Ajid Che Kob (1985) telah ditambah baik melalui kajian daripada Riduan Makhtar, Norfazila & Norhasliza (2019) dengan menghasilkan pemetaan dialek, namun ia hanya berfokuskan kepada sepanjang sungai Kelantan sahaja. Dari aspek geografi, pengkaji melihat perkara ini sebagai kelompongan yang perlu ditambah baik dalam kajian dengan memfokuskan kepada daerah lain selain yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas. Kajian terdahulu juga tidak banyak menggunakan GIS dan kajian dialek lebih bersifat umum. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada tiga buah daerah yang terletak di Kelantan Selatan iaitu Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang dan seterusnya menghasilkan pemetaan dialek dengan bantuan perisian GIS.

Di samping itu, terdapat juga kajian tentang perbandingan dialek Melayu Kelantan dengan dialek Melayu Terengganu oleh Riduan Makhtar et al. (2021) yang membandingkan penyebaran segmen konsonan dan vokal serta kajian suku kata dasar dialek berdasarkan Teori Optimaliti oleh Adi Yasran (2011). Kajian mereka lebih berfokus kepada aspek penyebaran bunyi dan fonologi dengan pendekatan teori sahaja. Namun, aspek geolinguistik tidak menjadi fokus utama dalam kajian mereka. Selain itu, terdapat juga kajian yang berfokus kepada kata ganti nama dialek Kelantan dalam aplikasi WhatsApp Messenger oleh Azrizan & Karim (2015), namun kajian ini lebih memfokuskan kepada aspek sosiolinguistik sahaja untuk meneliti tujuan berkomunikasi. Sehubungan dengan itu, bagi menambah baik kajian tersebut, kajian ini mengambil pendekatan baharu dengan memfokuskan kepada variasi kata ganti nama dialek Kelantan dengan pendekatan geolinguistik.

Kajian-kajian lepas tentang dialek Kelantan telah menjadi panduan kepada pengkaji untuk menghasilkan kajian ini dan mengisi kelompangan-kelompangan yang ada dalam beberapa kajian lepas yang telah dihasilkan. Oleh itu, makalah ini meneliti variasi kata ganti nama dengan memfokuskan kepada tiga daerah di kawasan Kelantan Selatan iaitu Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang dengan mengaplikasikan teknologi GIS untuk membantu menghasilkan pemetaan visual.

## 2. Tinjauan Literatur

Penelitian dalam kajian multidisiplin sememangnya telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Antaranya kajian tentang “Variasi Dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik” yang dijalankan oleh Nor Hashimah, Siti Noraini dan Zaharani pada tahun 2014. Kajian dalam makalah ini berfokuskan tentang pola variasi dialek bagi leksikal ‘air’ dan ‘menyusu’ dengan membuat perbandingan di antara generasi tua dan generasi muda di Perak Utara dengan mengaplikasikan pendekatan geolinguistik berbantuan teknologi GIS. Dalam kajian ini, sebanyak 38 buah kampung di kawasan Perak Utara dijadikan sebagai kawasan kajian yang diwakili oleh 40 orang enumerator yang mempunyai pengetahuan fonetik. Pengkaji menyenaraikan sebanyak 200 senarai perkataan yang mewakili leksikal dalam bahasa Melayu yang kerap digunakan oleh masyarakat untuk dikaji. Dalam kajian ini, didapati bahawa sebanyak 13 varian leksikal /air/ dan 18 varian untuk leksikal /menyusu/ yang dituturkan oleh penutur dialek di kawasan Perak Utara. Dapatan kajian membuktikan bahawa peralihan bahasa secara jelas berlaku dalam kalangan generasi muda. Hal ini dikatakan demikian kerana, majoriti generasi muda di kawasan Perak Utara yang mempunyai pendidikan telah terpengaruh dengan bentuk bahasa standard. Tambahan juga, faktor lain seperti bentuk muka bumi, demografi, sempadan, migrasi, sejarah, sikap dan ekonomi menjadi punca kepada wujudnya penyebaran variasi leksikal di kawasan kajian.

Seterusnya, kajian daripada Siti Noraini & Nor Hashimah (2018) yang bertajuk “Kepelbagaian Varian Leksikal Dialek di Perak: Pendekatan *Geographical Information System* (GIS)” yang meneliti kepelbagaian dialek di Perak. Leksikal ‘air’, ‘bantal’ dan ‘saya’ telah dipilih menjadi data leksikal dalam kajian ini. Pengumpulan data dilakukan menerusi kajian lapangan yang dijalankan di 102 buah kampung di seluruh negeri Perak. Data yang dikumpul kemudiannya ditranskripsi dan dianalisis menggunakan teknologi GIS. Sebanyak 96 senarai perkataan menjadi bahan kajian untuk mendapatkan data varian dialek di Perak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak tujuh varian ditemui bagi merujuk kepada leksikal /air/, enam varian bagi merujuk kepada leksikal /bantal/ dan 15 varian leksikal /saya/ ditemui dalam kalangan penutur dialek di Perak. Kewujudan kepelbagaian varian ini berlaku disebabkan oleh perbezaan penggunaan varian di antara dua peringkat umur iaitu generasi muda dan generasi tua. Tambahan pula, taraf pendidikan, pekerjaan dan perkahwinan turut menjadi faktor berlakunya perbezaan tersebut.

Fazal Mohammed, Lam Kuok Choy, Al-Amril Othman & Amir Imran juga telah menjalankan kajian yang bertajuk “Varian Tak Ketara Kedah: Kajian GIS Dialek Melayu Kedah” pada tahun 2021. Pengkaji telah menggunakan pendekatan teknologi GIS untuk membantu menghasilkan peta variasi dialek Melayu di Kedah. Kajian ini berfokuskan kepada peralihan dialek bagi leksikal ‘punggung’ dan kerbau. Kajian ini dijalankan dengan pengumpulan data leksikal di 135 buah kampung di keseluruhan negeri Kedah secara kajian lapangan berdasarkan kaedah soal selidik dan rakaman. Responden yang terlibat adalah seramai 892 orang responden yang mewakili generasi muda dan tua. Penjanaan peta leksikal bagi dialek Melayu di negeri Kedah dalam kajian ini telah menggunakan pendekatan teknologi GIS iaitu perisian *ArcGIS*. Dapatan kajian menunjukkan taburan bagi leksikal ‘punggung’ dan ‘kerbau’ mempunyai polanya yang tersendiri. Hasil kajian tersebut dikukuhkan lagi dengan pembuktian daripada peta yang dijana menerusi perisian tersebut yang mengandungi maklumat-maklumat geografi atau bentuk muka bumi seperti sungai, paya, bukit, hutan dan gunung yang didapati menjadi faktor kepada penyebaran dialek Melayu di negeri Kedah. Pengkaji dapat menjelaskan dan mengenal pasti taburan pelbagai varian dialek Melayu di negeri Kedah berdasarkan perbezaan fonologi yang mewakili sesuatu dialek menerusi hasil dapatan kajian tersebut. Faktor geografi seperti sempadan, gunung, hutan, bukit dan sungai menjadi faktor utama kepada penyebaran kepelbagaian varian yang berlaku di negeri Kedah.

Akhir sekali, sebuah kajian turut dilakukan oleh Siti Noraini, Harishon Radzi, Junaini Kasdan dan Nor Hashimah yang bertajuk “Penyebaran Varian Leksikal Kata Ganti Nama di Daerah Cameron Highlands: Analisis Geolinguistik” pada tahun 2023 yang mengaplikasikan teknologi GIS. Kajian ini hanya melibatkan sekitar kawasan daerah Cameron Highlands sahaja. Kaedah soal selidik dan temu bual dalam kajian ini sebagai proses pengutipan data secara kajian lapangan. Data yang dikumpul kemudiannya ditranskripsi dan dianalisis dengan menggunakan pendekatan geolinguistik. Data-data tersebut dianalisis dengan menggunakan teknologi GIS dan huraian perbincangan adalah berdasarkan faktor-faktor linguistik dan bukan linguistik. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa faktor persempadanan dan sosiobudaya telah mempengaruhi penyebaran dialek Melayu di Cameron Highlands. Buktinya, daripada dapatan tersebut, faktor pendidikan, pekerjaan dan perkahwinan mempengaruhi kepelbagaian varian untuk leksikal ‘saya’ dan ‘kamu’ dalam kalangan responden di kampung-kampung tersebut. Dalam kajian ini, penggunaan carta pai juga dipaparkan untuk mendapatkan peratusan yang lebih jelas. Carta pai tersebut membuktikan bahawa kebanyakan varian dialek yang dituturkan oleh kebanyakan generasi tua sudah tidak diguna pakai oleh golongan remaja. Hal ini menunjukkan bahawa perubahan zaman dan generasi turut membawa kepada perubahan penggunaan dialek. Sesuatu dialek akan mengalami kepupusan sekiranya dialek tersebut tidak lagi digunakan khususnya dalam kalangan generasi muda.

Kajian-kajian lepas telah menjadi panduan dalam membantu untuk melaksanakan kajian ini secara menyeluruh. Kajian yang dilakukan ini juga merupakan kesinambungan daripada kajian-kajian lepas yang mana kajian ini ingin berfokuskan kepada kajian dialek geografi dan memaparkan penyebaran dan taburan varian leksikal dengan menggunakan pendekatan geolinguistik yang berbantuan teknologi GIS. Kajian ini merupakan sebuah usaha untuk mendokumentasikan keunikan dialek kerana dialek merupakan khazanah negara yang perlu dijaga dan dikekalkan. Kemajuan teknologi pada hari ini telah banyak membantu kehidupan manusia khususnya melibatkan kajian tentang bidang bahasa.

### 3. Metodologi dan Kawasan Kajian

Metodologi kajian merujuk kepada cara, kaedah, atau pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat sesuatu kajian. Tujuan pelaksanaan metodologi kajian adalah untuk menghasilkan kajian yang lebih sistematik dan mempunyai hala tuju yang jelas dalam mencapai objektif. Kaedah kualitatif ini akan menerangkan kajian dengan cara yang lebih sistematik.

#### 3.1 Tata Cara Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian lapangan sebagai fokus untuk kajian geolinguistik ini. Proses pengumpulan data dilakukan secara rapi untuk memastikan kesahihan data dapat diperoleh dan dipelihara. Kajian ini melibatkan dua kaedah utama untuk memperoleh data iaitu dengan menggunakan kaedah soal selidik dan temu bual. Bagi kaedah soal selidik, pengkaji telah menyediakan 16 set borang soal selidik di daerah Jeli, 58 set di daerah Kuala Krai dan 39 set di daerah Gua Musang untuk diedarkan kepada responden yang terlibat. Responden dibahagikan mengikut kategori umur iaitu remaja (15-25 tahun), dewasa (26-55 tahun) dan warga tua (56 tahun ke atas). Kajian ini melibatkan 14 buah kampung di kawasan Kelantan Selatan yang merangkumi daerah Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang. Borang soal selidik tersebut terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian profil responden, maklumat demografi dan senarai leksikal. Senarai leksikal yang dipilih adalah inovasi daripada daftar kata Swadesh yang diperkenalkan oleh Morris Swadesh (1955) yang bersesuaian untuk kajian dialek ini.

Di samping itu, beberapa keping gambar turut disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada responden untuk menyebut leksikal tersebut dalam dialek mereka. Seterusnya, dalam sesi temu bual pula, pengkaji mendapatkan maklumat tentang dialek daripada enumerator dengan mencipta perbualan ringkas tentang sejarah dan penggunaan dialek di kawasan tersebut. Setelah data-data berjaya dikumpul, data-data tersebut ditranskripsi dan dianalisis secara deskriptif.

#### 3.2 Analisis Data

Setelah data sudah lengkap dikumpul, data-data yang diperoleh di lapangan seterusnya dimasukkan ke dalam Microsoft Excel. Data-data tersebut kemudiannya dirapikan mengikut kampung dan varian yang telah dikumpul di lapangan. Apabila data tersebut sudah lengkap dan dibersihkan, data-data tersebut kemudiannya dimasukkan ke dalam perisian ArcGIS untuk penjaan peta.

*Geographical Information System* (GIS) merupakan perisian yang mampu menggabungkan data linguistik dengan analisis ruang (spatial). Menurut Nor Hashimah et al. (2016) menyatakan bahawa perisian GIS dapat membantu menjawab persoalan mengenai faktor geografi yang mempengaruhi pembentukan variasi leksikal dalam dialek Melayu. GIS ditakrifkan sebagai himpunan teknologi yang mampu mengutip, menyimpan, dan menganalisis data melalui model yang diingini (Nasir Nayan 2010). Penggunaan teknik-teknik dalam perisian GIS dapat membantu pengkaji untuk menghasilkan peta yang lebih tepat dan sistematik bagi variasi kata ganti nama di Kelantan Selatan. Penggunaan perisian GIS juga dapat memaparkan maklumat topografi serta memaparkan data leksikal di atas peta yang dihasilkan. Tambahan pula, pengkaji menggunakan teknik *choropleth* bagi memudahkan peta untuk dibaca. Teknik *choropleth* merupakan teknik penandaan kawasan yang mewakili setiap varian leksikal yang ditemui di kawasan kajian. Jelaslah bahawa, perisian GIS merupakan sebuah sistem yang dicipta untuk menyimpan, mengurus, mengungkap, memanipulasi dan membentangkan kepelbagaian jenis data geografi dan seterusnya menghasilkan peta dialek (Onishi 2010).

#### 3.3 Kawasan Kajian

Kajian ini berfokus kepada tiga daerah di kawasan Kelantan Selatan iaitu Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang untuk melihat variasi leksikal kata ganti nama 'saya', 'kamu' dan 'mereka' dalam dialek Melayu Kelantan. Daerah Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang dijadikan kawasan kajian adalah kerana kedudukan geografi ketiga-tiga daerah tersebut yang terletak di bahagian selatan negeri Kelantan. Daerah Jeli bersempadanan dengan jajahan Machang di timur, negeri Perak di barat dan negara Thailand di utara. Manakala, daerah Kuala Krai pula bersempadanan dengan jajahan Tanah Merah di barat laut, negeri Terengganu di timur dan Machang di utara. Daerah Gua Musang pula bersempadanan dengan jajahan kecil Lojing di barat daya, negeri Pahang di selatan dan negeri Perak di barat laut. Di daerah Jeli, sebanyak dua buah kampung yang terlibat dalam kajian ini iaitu kampung Bukit Jering dan

kampung Kuala Balah. Selain itu, di daerah Gua Musang pula melibatkan lima buah kampung iaitu kampung Kerinting, kampung Limau Kasturi, kampung Jerek, kampung Bertam Baru dan kampung Mentara Lama. Manakala, daerah Kuala Krai pula mewakili tujuh buah kampung iaitu kampung Laloh, kampung Sungai Peria, kampung Batu Mengkebang, kampung Pasir Jering, kampung Setong, kampung Kanded dan kampung Telekong/Temiang.

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

Analisis data yang diperolehi adalah hasil daripada tiga leksikal kata ganti nama diri yang dikaji. Terdapat 14 buah kampung di kawasan Kelantan Selatan yang merangkumi daerah Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang yang terlibat dalam menyempurnakan kajian ini. Berdasarkan data yang diperolehi di lapangan, terdapat pelbagai varian bagi leksikal /saya/, /kamu/ dan /mereka/ yang telah dikenal pasti penggunaannya di kawasan Kelantan Selatan.

##### 4.1 Pengenalpastian Varian Leksikal

Menurut Raja Mukhtarudin (1986) menyatakan bahawa setiap daerah memiliki variasi dialek yang berbeza yang tersendiri antara satu daerah dengan daerah yang lain. Hal ini membuktikan bahawa kawasan geografi saling mempengaruhi kewujudan sesuatu dialek di kawasan tertentu. Perbezaan sesuatu dialek biasanya dapat dikenal pasti melalui varian leksikal dialek tersebut kerana ia dapat dikesan melalui perbezaan bunyi, makna dan penggunaan kata. Dalam kajian ini, dapat diperhatikan bahawa terdapat kepelbagaian varian yang ditemui bagi leksikal kata ganti nama diri /saya/, /kamu/, dan /mereka/ di kawasan Kelantan Selatan.

##### Varian Leksikal /saya/

###### Jadual 1

*Varian leksikal /saya/ di daerah Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang*

Daerah Jeli									
Bil.	Nama Kampung	Varian Leksikal /saya/							Varian
		L1	L2	(L1) – sqjo (L3) – ambo (L5) – kito	L4	(L7) – kamin	L6	L7	
1.	Kampung Bukit Jering			/	/			/	3
2.	Kampung Kuala Balah			/	/			/	3
JUMLAH				2	2			2	
Daerah Kuala Krai									
1.	Kampung Laloh	/	/	/	/			/	5
2.	Kampung Sg. Peria	/	/	/	/			/	5
3.	Kampung Batu Mengkebang	/	/		/			/	4
4.	Kampung Pasir Jering		/		/			/	3
5.	Kampung Setong		/	/	/				3

6.	Kampung Kandek	/	/	/			3
7.	Kampung Telekong/ Temiang			/	/	/	3
	JUMLAH	4	6	4	7	5	

#### Daerah Gua Musang

1.	Kampung Kerinting	/	/	/			3
2.	Kampung Limau Kasturi		/	/	/	/	4
3.	Kampung Jerek	/	/			/	3
4.	Kampung Bertam Baru	/	/	/	/	/	6
5.	Kampung Mentara Lama	/	/		/	/	5
	JUMLAH	4	5	3	3	4	2

Berdasarkan Jadual 1 di atas, pengkaji mendapati bahawa terdapat sebanyak tujuh varian dikenal pasti bagi leksikal kata ganti nama /saya/ di 14 buah kampung di Kelantan Selatan. Di daerah Jeli, bagi kedua-dua kampung iaitu Kampung Bukit Jering dan Kampung Kuala Balah, varian yang ditemui adalah sama iaitu [ambɔ], [kawɛ] dan [kamin]. Di daerah Kuala Krai pula, bagi Kampung Laloh dan Kampung Sg. Peria memperlihatkan bahawa kedua-dua kampung tersebut mempunyai lima varian iaitu [sajɔ], [aku], [ambɔ], [kawɛ] dan [ɔyɛ]. Bagi Kampung Batu Mengkebang, varian yang ditemui adalah [sajɔ], [aku], [kawɛ] dan [ɔyɛ]. Di Kampung Pasir Jering pula varian seperti [aku], [kawɛ] dan [ɔyɛ]. Varian yang ditemui di Kampung Setong ialah [aku], [ambɔ] dan [kawɛ] manakala Kampung Kandek terdapat varian [sajɔ], [aku] dan [kawɛ]. Seterusnya, di daerah Gua Musang, bagi Kampung Kerinting, leksikal yang ditemui ialah [sajɔ], [aku] dan [ambɔ]. Sebanyak empat varian yang ditemui di Kampung Limau Kasturi iaitu [aku], [ambɔ], [kawɛ] dan [kitɔ]. Kampung Jerek menunjukkan tiga varian sahaja iaitu [sajɔ], [aku] dan [kitɔ]. Kampung Bertam Baru pula dilihat mempunyai varian leksikal yang tinggi iaitu sebanyak 6 varian yang ditemui seperti [sajɔ], [aku], [ambɔ], [kawɛ], [kitɔ] dan [ɔyɛ]. Akhir sekali, Kampung Mentara Lama mempunyai lima varian leksikal iaitu [sajɔ], [aku], [kawɛ], [kitɔ] dan [ɔyɛ].

#### Varian Leksikal /kamu/

##### Jadual 2

*Varian leksikal /kamu/ di daerah Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang*

		Daerah Jeli						
Bil.	Nama Kampung	Varian Leksikal /kamu/						Varian
		(L1) – muŋ (L3) – səmɔ (L5) – mu			(L2) – demɔ (L4) – awɔ? (L6) – mumɔ			
		L1	L2	L3	L4	L5	L6	
1.	Kampung Bukit Jering	/	/	/	/			4
2.	Kampung Kuala Balah	/	/					2

JUMLAH		2	2	1	1	
<b>Daerah Kuala Krai</b>						
1.	Kampung Laloh	/	/	/	/	2
2.	Kampung Sg. Peria	/	/	/	/	2
3.	Kampung Batu Mengkebang	/	/	/	/	2
4.	Kampung Pasir Jering	/	/	/	/	2
5.	Kampung Setong	/	/	/	/	
6.	Kampung KandeK	/	/	/	/	
7.	Kampung Telekong/ Temiang	/	/	/	/	3
JUMLAH		4	4	1	5	1
<b>Daerah Gua Musang</b>						
1.	Kampung Kerinting	/	/	/	/	3
2.	Kampung Limau Kasturi	/	/	/	/	3
3.	Kampung Jerek	/	/	/	/	2
4.	Kampung Bertam Baru	/	/	/	/	3
5.	Kampung Mentara Lama	/	/	/	/	2
JUMLAH		4	4	4	5	

Berdasarkan Jadual 2 di atas, sebanyak enam varian leksikal /kamu/ telah dikenal pasti di Kelantan Selatan. Di daerah Jeli, bagi Kampung Bukit Jering, terdapat empat varian yang ditemui iaitu [muŋ], [dɛmɔ], [sɛmɔ] dan [awɔʔ] manakala Kampung Kuala Balah pula menunjukkan hanya dua varian leksikal sahaja ditemui iaitu [muŋ] dan [dɛmɔ]. Di daerah Kuala Krai pula, tiga buah kampung iaitu Kampung Laloh, Kampung Sg. Peria dan Kampung Batu Mengkebang didapati menunjukkan jumlah penggunaan varian leksikal yang sama iaitu [dɛmɔ] dan [mu]. Kampung Telekong/Temiang pula memperlihatkan varian leksikal seperti [dɛmɔ], [mu] dan [mumɔ]. Selain itu, di daerah Gua Musang pula, didapati empat buah kampung iaitu Kampung Kerinting, Kampung Limau Kasturi, Kampung Bertam Baru dan Kampung Mentara Lama menggunakan varian leksikal yang sama iaitu [dɛmɔ], [awɔʔ] dan [mu]. Akhir sekali, bagi Kampung Jerek pula memperlihatkan hanya dua varian leksikal sahaja ditemui bagi leksikal /kamu/ iaitu [awɔʔ] dan [mu].

**Varian Leksikal /mereka/****Jadual 3***Varian leksikal /mereka/ di daerah Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang*

Bil.	Nama Kampung	Varian Leksikal /mereka/				Varian
		(L1) – sɛʔ (L3) - demə tu		(L2) - pu <sup>w</sup> ɔʔ (L4) - diɔ		
		L1	L2	L3	L4	
<b>Daerah Jeli</b>						
1.	Kampung Bukit Jering	/		/		2
2.	Kampung Kuala Balah	/				1
JUMLAH		2		1		
<b>Daerah Kuala Krai</b>						
1.	Kampung Laloh	/			/	2
2.	Kampung Sg. Peria	/			/	2
3.	Kampung Batu Mengkebang	/				1
4.	Kampung Pasir Jering				/	1
5.	Kampung Setong	/	/		/	3
6.	Kampung KandeK	/	/			2
7.	Kampung Telekong/ Temiang	/				1
JUMLAH		6	2		4	
<b>Daerah Gua Musang</b>						
1.	Kampung Kerinting	/	/			2
2.	Kampung Limau Kasturi	/	/			2
3.	Kampung Jerek	/	/			2
4.	Kampung Bertam Baru	/	/			2
5.	Kampung Mentara Lama	/				1
JUMLAH		5	4			

Berdasarkan Jadual 3 yang telah dianalisis, terdapat empat varian leksikal /mereka/ yang berjaya ditemukan oleh pengkaji di kawasan Kelantan Selatan. Antara varian leksikal yang ditemukan


ialah [sɛʔ], [puʷɔʔ], [dɛmɔ tu] dan [dijɔ]. Di daerah Jeli, bagi Kampung Bukit Jering didapati memiliki dua varian leksikal iaitu [sɛʔ] dan [dɛmɔ tu] manakala hanya satu varian leksikal sahaja ditemui bagi Kampung Kuala Balah iaitu [sɛʔ]. Di daerah Kuala Krai pula, didapati bagi Kampung Laloh dan Kampung Sg. Peria menggunakan varian leksikal yang sama iaitu [sɛʔ] dan [dijɔ]. Perkara yang sama juga berlaku bagi Kampung Batu Mengebang dan Kampung Telekong/Temiang apabila kedua-dua kampung tersebut memperlihatkan penggunaan varian seperti [sɛʔ]. Begitu juga dengan Kampung Pasir Jering yang memaparkan satu varian sahaja iaitu [dijɔ]. Kampung Setong mempunyai tiga varian yang ditemui iaitu [sɛʔ], [puʷɔʔ] dan [dijɔ]. Akhir sekali, terdapat dua varian yang ditemui di Kampung KandeK iaitu [sɛʔ] dan [puʷɔʔ].

#### 4.2 Penganalisan Data dan Perbincangan

Kepelbagaian leksikal bagi kata ganti nama /saya/, /kamu/ dan /mereka/ yang diperoleh hasil daripada kajian lapangan di 14 buah kampung di kawasan Kelantan Selatan telah menunjukkan keunikan dari segi sebutan dan penggunaannya yang tersendiri di kawasan tersebut. Peta isoglos di bawah memaparkan sebaran varian bagi leksikal /saya/, /kamu/ dan /mereka/ yang ditemui dalam kalangan penutur dialek di kawasan Kelantan Selatan yang merangkumi daerah Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang. Kepelbagaian varian yang ditemui ini menggambarkan penggunaan leksikal yang paling dominan digunakan oleh penduduk kampung yang dikaji di kawasan kajian.


**Peta 1**

*Peta isoglos leksikal /saya/ di Kelantan Selatan*




**Peta 2**

*Peta isoglos leksikal /kamu/ di Kelantan Selatan*



**Peta 3**

*Peta koroplet leksikal /mereka/ di Kelantan Selatan*



Berdasarkan Peta 1, 2 dan 3 di atas, dapat dilihat bahawa terdapat sebanyak tujuh varian sebaran bagi leksikal /saya/, enam varian bagi leksikal /kamu/ dan empat varian bagi leksikal /mereka/ secara keseluruhan di 14 buah kampung yang terlibat meliputi tiga daerah di bahagian Kelantan Selatan. Antaranya ialah varian bagi leksikal /saya/ terdiri daripada [sajɔ], [aku], [ambɔ], [kawɛ], [kitɔ], [ɔyɛ] dan [kamin]. Varian /kamu/ pula, iaitu [muŋ], [demɔ], [səmɔ], [awɔʔ], [mu] dan [mumɔ]. Manakala, varian bagi /mereka/ terdiri daripada [sɛʔ], [pu^oʔ], [dem^o tu] dan [dijo]. Kepelbagaian varian bagi ketiga-tiga kata ganti nama ini wujud adalah disebabkan oleh faktor linguistik dan bukan linguistik.

**Faktor Linguistik**

Menurut Nik Safiah dan Rozita (2016) ada menyatakan bahawa loghat Kelantan mempunyai cara sebutan yang tersendiri yang membezakannya daripada loghat-loghat lain dan bahasa Melayu baku. Hal ini dapat dibuktikan dengan leksikal kata ganti nama yang ditemui di kawasan Kelantan Selatan, iaitu /saya/, /kamu/ dan /mereka/. Salah satu ciri sebutan yang paling ketara atau dominan bagi penuturan dialek Melayu Kelantan ialah bunyi [ɔ]. Buktinya, dapat dilihat pada ketiga-tiga kata ganti nama ini. Leksikal /saya/ misalnya akan menjadi [sajɔ], [ambɔ], [kitɔ]. Manakala, leksikal /kamu/ menjadi [demɔ], [səmɔ], [awɔʔ], [mumɔ] dan leksikal /mereka/ menjadi [pu^oʔ], [dem^o tu] dan [dijo]. Keadaan

ini terjadi kerana perubahan bunyi vokal depan luas [a] pada posisi akhir kata dan suku kata tertutup menjadi bunyi vokal belakang separuh luas [ɔ].

Selain itu, terdapat juga varian yang bersifat satu suku kata dan penyengauan. Buktinya dapat dilihat pada varian [mu] bagi leksikal /kamu/. Varian ini tersebar di lima buah kampung di daerah Kuala Krai dan Gua Musang. Manakala varian [muŋ] pula bukan sahaja satu suku kata tetapi juga disisipkan konsonan sengauan [ŋ] di akhir kata. Varian ini hanya ditemui di kampung-kampung dalam daerah Jeli. Kedua-dua varian ini paling dominan kerana ia digunakan oleh kesemua penutur dialek di kawasan tersebut dari pelbagai peringkat umur sebagai pilihan dalam pertuturan seharian mereka. Varian-varian tersebut juga merupakan varian yang digunakan secara khusus dan meluas oleh penutur dialek Melayu Kelantan. Suku kata awal bagi leksikal /kamu/ telah mengalami pengguguran dan mengalami penyingkatan dan menghasilkan varian [mu]. Lazimnya, fenomena pengguguran suku kata yang berlaku ialah konsonan onset pada suku kata pertama dan vokal yang mengikutinya digugurkan (Nur Adibah & Sharifah Raihan 2017). Sementara itu, varian [muŋ] wujud disebabkan berlakunya kehadiran segmen konsonan nasal-velar di akhir perkataan bagi leksikal /kamu/. Konsonan nasal /m/, /n/ dan /ŋ/ menyatu kepada [ŋ] diakhir kata jika hadir selepas vokal tinggi (Mohd Tarmizi 2018).

Seterusnya, hasil dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat varian yang mengalami pengakroniman dalam dialek Melayu di Kelantan Selatan. Buktinya dapat dilihat pada varian [mumɔ] bagi leksikal /kamu/. Berdasarkan temu bual dengan responden, didapati bahawa varian [mumɔ] merujuk kepada 'kamu semua'. Leksikal /kamu/ yang sebelum ini mengalami proses pengguguran dan penyingkatan digabungkan dengan leksikal /semua/ yang turut mengalami proses fonologi tersebut sehingga membentuk satu varian yang tersendiri, iaitu [mumɔ]. Menariknya, varian ini hanya ditemui di satu kampung sahaja dalam daerah Kuala Krai, iaitu di Kampung Telekong/Temiang. Manakala, varian [seʔ] yang merujuk kepada leksikal /mereka/ dalam dialek Melayu Kelantan biasanya akan turut hadir bersama dengan kata tunjuk 'itu' dan 'ini'. Lazimnya, penutur dialek Melayu Kelantan akan menuturkan sebagai [seʔtu] atau [seʔni], iaitu rujukan kepada 'mereka itu' dan 'mereka ini'. Varian ini ditemui di kesemua kampung dalam daerah Kelantan Selatan.

Ciri-ciri linguistik ini membuktikan bahawa dalam dialek Melayu Kelantan khususnya di bahagian selatan memiliki keunikan yang tersendiri dan sedikit berbeza dengan daerah-daerah yang lain di Kelantan.

### **Faktor Bukan Linguistik**

Selain faktor linguistik, didapati juga sebaran varian bagi leksikal kata ganti nama di Kelantan Selatan turut disebabkan oleh faktor-faktor bukan linguistik seperti geografi, persempadanan dan pendidikan.

Dari aspek geografi dan persempadanan, didapati varian [kamin] yang merujuk kepada leksikal /saya/ hanya ditemui di kampung-kampung dalam daerah Jeli sahaja. Sebaran varian ini dilihat tidak tersebar ke kampung-kampung dalam daerah Kuala Krai. Walhal kedua-dua kampung ini berdekatan dengan daerah Kuala Krai. Hal ini terjadi kerana sebaran varian ini tidak menyebar ke kawasan yang bersempadanan disebabkan bentuk muka bumi antara daerah Kuala Krai dan Jeli disempadani dengan bukit-bukau, sungai dan sedikit bergunung. Keadaan ini telah menghalang penyebaran varian tersebut kerana terhalang oleh geografi yang berbukit dan bergunung.

Selain itu, faktor pendidikan sangat dominan dalam mempengaruhi kepada variasi dialek Melayu Kelantan. Buktinya, varian [sɔjɔ] dan [awɔʔ] yang merujuk kepada /saya/ dan /kamu/. Varian-varian ini ditemui di kesemua daerah, iaitu Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang. Penggunaan yang paling meluas berlaku di daerah Gua Musang iaitu sebanyak empat buah kampung yang merangkumi Kampung Kerinting, Kampung Limau Kasturi, Kampung Jerek dan Kampung Bertam Baru serta Kampung Laloh, Kampung Sungai Peria, Kampung Batu Mengkebang dan Kampung Kandek di daerah Kuala Krai menggunakan varian-varian tersebut. Leksikal /kamu/ lazimnya akan diujarkan dengan sebutan /awak/ apabila kita berkomunikasi dalam bentuk bahasa Melayu standard. Oleh itu, semasa sesi pembelajaran di sekolah, guru-guru akan menggunakan varian ini dengan cara sebutan dalam dialek Melayu Kelantan, iaitu [awɔʔ]. Keadaan ini telah mempengaruhi kepada para pelajar apabila

berkomunikasi. Mereka akan menggunakan kata ganti nama kedua ini bagi lawan tuturnya. Varian [sajɔ] dan [awɔʔ] juga dilihat menjadi varian yang dominan di kebanyakan kampung di daerah Gua Musang dan Kuala Krai adalah disebabkan oleh daerah tersebut yang bersempadanan dengan daerah Cameron Highlands dan Kuala Lipis, Pahang. Hal ini menunjukkan bahawa daerah Gua Musang dipengaruhi oleh dua daerah ini yang turut menggunakan varian tersebut. Walau bagaimanapun, sebutannya mengikut loghat setempat. Di mana, vokal /a/ dalam suku kata tertutup akan dibunyikan sebagai [ɔ] dalam dialek Melayu Kelantan masih dikekalkan identitinya (Asmah 2008).

## 5. Kesimpulan dan Cadangan

Kajian tentang dialek ini menggunakan pendekatan geolinguistik yang berbantuan teknologi *Geographical Information System* (GIS) untuk menjana peta penyebaran varian leksikal bagi kata ganti nama di 14 buah kampung di kawasan Kelantan Selatan yang merangkumi daerah Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang. Kajian ini secara jelasnya telah membuktikan bahawa wujudnya penyebaran varian leksikal dialek di Kelantan di ketiga-tiga daerah tersebut melalui leksikal-leksikal kata ganti nama yang telah dipilih iaitu leksikal /saya/, /kamu/ dan /mereka/. Antara faktor yang dilihat yang mempengaruhi berlakunya penyebaran dan penyekatan varian adalah disebabkan faktor muka bumi seperti bukit dan gunung serta persempadanan di antara daerah dan negeri serta pendidikan. Selain itu, faktor migrasi penduduk iaitu dari kawasan atau daerah lain ke daerah Kelantan Selatan juga menjadi punca kepada penyebaran varian sesuatu leksikal. Secara ringkasnya, teknologi GIS telah membantu pengkaji untuk menyempurnakan kajian ini khususnya dalam menjana peta dengan lebih tepat untuk melihat penyebaran sesuatu dialek berbanding kaedah tradisional. Pengkaji juga berharap agar pengkaji-pengkaji pada masa akan datang dapat menjadikan kajian ini sebagai panduan dan menambah baik kajian yang sedia ada.

## Rujukan

- Adi Yasran Abdul Aziz. (2011). Suku kata dasar dialek Kelantan berdasarkan Teori Optimaliti. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 11(2), 121-135.
- Ajid Che Kob. (1985). *Dialek Geografi Pasir Mas*. Monograf 3, Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azrizan Abu Bakar & Karim Harun. (2015). Penggunaan kata ganti nama dialek Kelantan dalam aplikasi WhatsApp. *Jurnal Melayu*. 14(2), 291-306.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Lam Kuok Choy, Al-Amril Othman & Amir Jamil. (2021). Warisan Tak Ketara Kedah: Kajian Gis Dialek Melayu Kedah. *Journal of Education and Social Sciences*, 18(1).
- Mohd Tarmizi Hasrah (2018). Dialek Melayu di Hulu Kelantan: Sebuah laporan awal. *Jurnal Bahasa* 18(2), 219-252.
- Nasir Nayan. (2010). *Manual ArcGISTM: Amali ArcMapTM dan ArcCatalogTM*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Siti Noraini Hamzah & Zaharani Ahmad (2014). Variasi Dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 18(2), 30-46.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad & Harishon Radzi. (2016). Variasi Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 16 (1), 09-123.
- Nur Adibah Hasan & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2017). Struktur suku kata terbitan dialek Terengganu. *Akademika*, 87(1), 165-175.
- Onishi, T. (2010). Analyzing dialectological distributions of Japanese. *Dialectologia, Special Issue I*, 123-135.
- Raja Mukhtaruddin. (1986). *Dialek Perak*. Yayasan Perak.
- Riduan Makhtar, Norfazila Ab. Hamid & Norhasliza Ramli. (2019). Pemetaan Dialek Kelantan Di Sepanjang Sungai Kelantan: Satu Penelitian Awal. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. hlm. 11-17.
- Riduan Makhtar, Ain Atiqah Latiff, Nur Ezzati Nabilah Badaruddin & Mohd Firdaus Azharuddin. (2021). Perbandingan dialek Melayu Kelantan dan dialek Melayu Terengganu. *Jurnal Melayu*. 20(2), 329-345.
- Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Kepelbagaian Varian Leksikal Dialek di Perak: Pendekatan Geographical Information System. *Akademika*. 88(1), 137-152.

- Siti Noraini Hamzah, Harishon Radzi, Junaini Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin. (2023). Penyebaran Varian Leksikal Kata Ganti Namadi Daerah Cameron Highlands: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 27(1), 48-60.
- Swadesh, M. (1955). Towards greater accuracy in lexicostatistic dating. *International Journal of American Linguistics*, 21, 121-137.

#### **Biodata Penulis**

**Siti Noraini Hamzah**, PhD. merupakan pensyarah kanan di Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM. Bidang kepakaran beliau ialah semantik dan geolinguistik.

**Harishon Radzi**, PhD. merupakan pensyarah kanan di Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM. Bidang kepakaran beliau ialah morfologi, linguistik terapan dan geolinguistik.

**Izzatul Fadhilah Binti Ishak** merupakan Guru Bahasa di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik (PKBL), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang pengkhususan beliau ialah Bahasa Sepanyol serta Pengajaran Bahasa Sepanyol sebagai Bahasa Asing atau Bahasa Kedua